

08 OCT 2003

Mahathir-Berlepas

DR MAHATHIR BERLEPAS PULANG SELEPAS SIDANG KEMUNCAK ASEAN

Oleh: Openg Onn dan Salbiah Said

BALI, 8 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas menghadiri Sidang Kemuncak Asean ke sembilan selama dua hari yang berakhir hari ini di Nusa Dua, sebuah daripada daerah pelancongan terkemuka Bali.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, menaiki pesawat khas Tentera Udara Diraja Malaysia pada kira-kira pukul 7.45 malam dari Lapangan terbang Antarabangsa Ngurah Rai dekat Denpasar, ibukota wilayah Bali.

Turut serta ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang menghadiri mesyuarat Menteri Luar Asean yang diadakan sempena sidang kemuncak itu.

Yang berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada mereka ialah Menteri Teknologi dan Penyelidikan Indonesia Hatta Rajasa, Duta Malaysia ke Indonesia Datuk Hamidon Ali dan isteri Datin Amy Hamidon serta para pegawai kanan kedua-dua negara.

Dr Mahathir pastinya membawa pulang bersama kenangan manis sidang kemuncak itu yang diadakan bersama mesyuarat ASEAN+3 (China, Jepun dan Korea Selatan) kerana ini merupakan persidangan terakhir yang dihadapinya sebagai Perdana Menteri sebelum bersara akhir bulan ini.

Para pemimpin Asean mengadakan satu majlis khas untuk merakamkan penghargaan kepada Dr Mahathir yang telah memainkan peranan besar dalam membimbing pertubuhan serantau yang berusia 36 tahun itu selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri, yang menjadi pengerusi Asean buat masa ini, beberapa kali menahan sebak semasa berucap memberi penghargaan kepada Dr Mahathir, seorang pemimpin yang telah mengukir nama sebagai ikon dalam politik Asia.

Beliau mempunyai program yang ketat sejak tiba pada Isnin lepas untuk memenuhi bukan sahaja jadual acara sidang kemuncak itu tetapi juga mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatannya dari Korea Selatan Roh Moo-Hyun dan Vietnam Phan Van Khai semalam.

Pada petang Isnin, Dr Mahathir diberikan standing ovation oleh kira-kira 200 pemimpin perniagaan dan industri selepas beliau bersetuju untuk meluangkan masa menyampaikan kata-kata perangsang dan nasihat pada Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan Asean yang diadakan di hotel beliau menginap.

-- BERNAMA

OPP SS HS RON